
UUM ONLINE: Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi bagi menganjurkan beberapa aktiviti terutama acara meraikan ulangtahun persatuan ke 25 tahun persatuan itu di Executive Development Center (EDC), Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Naib Canselor UUM, Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang juga Yang Dipertua PBBM yang baru banyak menyentuh mengenai perancangan persatuan dan meluluskan beberapa kertas kerja untuk kemajuan persatuan.

Antara ahli jawatankuasa yang hadir ialah Datuk Hj. Salleh Yusup, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dato' Dr. Mohd Shukor Hj Mahfar, Timbalan. Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Jawatankuasa lain ialah Dr. Azizan Abdul Rashid, MARDI mewakili Naib Yang Di Pertua PBBM, Aini Abdullah dari Bank Simpanan Nasional mewakili Bendahari PBBM, Haji Abdul Halim Bin Md Jamil, Setiausaha Kehormat PBBM dan Rohany Abd Rahman Setiausaha Kerja PBBM.

Dalam mesyuarat yang sama, Mustafa juga mahu majlis sambutan 25 tahun disambut meriah serta memberi impak kepada persatuan yang sudah lama bertapak di negara ini.

"Oleh itu, pada makan malam, kita akan memberi anugerah tertentu kepada ahli persatuan dan tokoh sebagai menghargai jasa mereka berbakti kepada persatuan, negara dan bangsa.

"Kita juga akan menganjurkan pertandingan golf dan persidangan bagi membincangkan hala tuju badan berkanun dalam usaha membantu Model Baru Ekonomi (MEB) yang diwar-warkan oleh kerajaan," katanya.

habis